



KOPERKASA

KOPERASI KOPERKASA SARAWAK BERHAD

<https://www.koperkasa.com.my>

KOPERKASA MENYERTAI KEJOHANAN PETANQUE ANJURAN ANGKASA



Kesemua pemenang Kejohanan "Triple" Petanque anjuran ANGKASA

22 Ogos 2022 – Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad telah menyertai kejohanan petanque anjuran ANGKASA sempena Hari Koperasi Negara dan sambutan 100 tahun koperasi Malaysia.

Perlawanan secara "triple" ini berlangsung selama 2 hari mulai 20 Ogos 2022 hingga 21 Ogos 2022 dan diadakan di Arena Petanque Santubong dengan kerjasama Persatuan Sukan Boules Sarawak dan Encik Ahmad Sabri (Jurulatih Petanque Sukma Sarawak).

Kejohanan kali ini menawarkan hadiah keseluruhan berjumlah RM8,200.00 dan disertakan dengan piala iringan dan sijil penyertaan kepada semua peserta. Sebanyak 28 buah koperasi dari seluruh Sarawak yang terdiri daripada 48 pasukan lelaki dan 28 pasukan wanita telah menyertai kejohanan ini.

Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad diwakili oleh 2 pasukan lelaki dan 1 pasukan wanita. Pasukan lelaki diwakili oleh Hairun Bin Dollah, Mohd Badzris Bin Saffuan, Suria Bin Mohd Amin, Suhaimi Bin Johan, Yakof Bin Rie dan Abdullah Bin Hassan manakala pasukan wanita diwakili oleh Norlela Binti Ili, Nur Sabrina Abdullah dan Puspa Binti Ben.

Fathi Bin Hambali, Pengerusi Koperasi dan Othman Bin Bujang, Setiausaha Koperasi turut sama-sama meluangkan masa hadir ke kejohanan untuk memberi sokongan dan semangat kepada kejohanan khususnya kepada pasukan Koperkasa.

Koperasi Kariah Masjid Kampung Buntal Kuching Berhad telah muncul johan bagi kategori lelaki manakala kategori wanita dimenangi oleh Koperasi Anib Sarawak Berhad. Johan membawa pulang hadiah berupa wang tunai sebanyak RM1,500.00, trofi dan sijil.

Naib johan membawa pulang hadiah berupa wang tunai sebanyak RM1,000.00 beserta trofi dan sijil. Bagi naib johan kategori lelaki dimenangi oleh Koperasi MRSM Kuching Berhad dan Koperasi Wanita Saratok Berhad bagi kategori wanita.

Tempat ketiga pula dimenangi oleh Koperasi SMK Sadong Hilir Samarahan Berhad (kategori lelaki) dan Koperasi SMK Santubong Berhad (kategori wanita) di mana pemenang membawa pulang hadiah berupa wang tunai sebanyak RM700.00 beserta trofi dan sijil.

Tempat keempat turut mendapat hadiah berupa wang tunai sebanyak RM500.00 beserta trofi dan sijil, dan telah dimenangi oleh Koperasi Pembangunan Saratok Berhad (kategori lelaki) dan Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad (kategori wanita).

Tempat kelima hingga kelapan turut mendapat saguhati dengan membawa pulang wang tunai sebanyak RM100.00 dan sijil.

Kesemua hadiah telah disampaikan oleh Wan Azizan Bin Wan Zainal Abidin, Pengerusi Perhubungan Angkasa Negeri Sarawak dan Majeri Bin Li, Timbalan Pengerusi Perhubungan Angkasa Negeri Sarawak.

Gambar-gambar semasa kejohanan:



Para peserta daripada Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad



Fathi Bin Hambali, Pengerusi Koperkasa (3 dari kanan) dan Othman Bin Bujang, Setiausaha Koperkasa (2 dari kanan) bergambar bersama-sama wakil pasukan Koperkasa

Gambar-gambar semasa kejohanan (sambungan):



Gambar-gambar semasa kejohanan (sambungan):



Gambar-gambar semasa kejohanan (sambungan):



Gambar-gambar semasa kejohanan (sambungan):

